

13/01/2001

Rithauddeen dilantik Pengerusi Lembaga Disiplin Umno

KUALA LUMPUR, Jumaat - Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini melantik pemimpin veteran parti, Tengku Ahmad Rithauddeen, sebagai Pengerusi Lembaga Disiplin Umno yang baru ditubuhkan.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata keputusan itu dibuat pada mesyuarat MT yang dipengerusikan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang ini.

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, lembaga itu akan dianggotai beberapa ahli lain dan nama mereka akan diumumkan selepas mereka dimaklumkan mengenai pelantikan berkenaan.

"Kita perlu memastikan mereka yang dilantik itu akan menerima jawatan dalam lembaga itu," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat MT itu.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno minggu lalu mencadangkan bekas Menteri Luar, Tengku Tan Sri Ahmad Rithauddeen, untuk mengetuai Lembaga Disiplin Umno itu, selain tujuh nama yang dikenalpasti untuk menganggotainya.

Lembaga Disiplin ditubuhkan hasil pindaan Perlembagaan Umno November lalu bagi menggantikan Jawatankuasa Disiplin.

Tengku Rithauddeen, 64, yang berasal dari Kelantan, menjadi Ahli Parlimen Kota baharu dari 1969-1990 dan Naib Presiden Umno dari 1981 hingga 1987.

Beliau juga pernah memegang beberapa portfolio Kabinet dari 1973 hingga 1990.

Abdullah juga memaklumkan bahawa mesyuarat agung cawangan Umno akan diadakan bermula 1 Mac depan.

Katanya, semua cawangan perlu membayar yuran mereka sebelum akhir bulan ini.

Mesyuarat MT hari ini juga menangguh keputusan berhubung penubuhan Puteri Umno bagi membolehkan penelitian lebih mendalam.

(END)